



HARI GAWAI DAYAK KEAGUNGAN NILAI BUDAYA MASYARAKAT DAYAK

Teks dan foto: Jaya Ramba

Kuasa evolusi dalam masyarakat Dayak telah membina jalan kehidupan yang amat lurus sejak amalan zaman *ngayau* yang hebat. Hal ini bertepatan ke arah misi masyarakat perantau dan menjadi masyarakat berjaya dalam kehidupan serba moden pada hari ini. Hal ini berubah amat pantas dari satu dekad ke dekad seterusnya. Masyarakat Dayak yang tidak mudah terlerai daripada amalan keturunan yang berdarah di tubuh dan berjiwa di hati, akhirnya berpohon sebagai jati diri masyarakat Dayak dengan kukuh. Dalam tulisan ini, penulis menggambarkan tentang perayaan Gawai Dayak di Sarawak, betapa anugerah kebesaran Gawai Dayak yang bertunjangan amalan, pantang larang, dan ritual terus menyala hingga ke hari ini.

Sebagai anak Dayak, penulis berhasrat untuk berkongsi tentang perayaan Gawai Dayak yang disambut di negeri

Sarawak yang memiliki keistimewaannya tersendiri. Perayaan ini diibaratkan sebagai pokok yang menghimpunkan segala amalan, pantang larang, dan upacara adat masyarakat Dayak. Merujuk tabir sejarah lalu, perayaan Gawai Dayak ialah lambang kemenangan jiwa dalam kehidupan masyarakat Dayak dan keturunan mereka. Hal ini tidak mengira walaupun masyarakat Dayak itu berada jauh di hujung rimba, mahupun masyarakat Dayak yang berselerak di bandar. Perayaan ini merupakan satu detik untuk melakukan tugas bagi merubah arah tuju hidup masyarakat Dayak itu sendiri. Maka itu, pesta Gawai Dayak harus dijalankan berdasarkan upacara yang ditetapkan.

Perayaan Hari Gawai Dayak ini diwartakan sebagai cuti umum pada tanggal 25 September 1964 dan disambut secara besar-besaran di Sarawak. Sebelum itu, hari cuti umum ini dipanggil



Acara mengorbankan haiwan.

"Hari Sarawak" oleh pemerintahan Rajah Brooke. Perayaan Gawai Dayak sebenarnya berlangsung selama sebulan, bermula dari hujung Mei sehingga hujung bulan Jun setiap tahun. Hari pertama perayaan jatuh pada 31 Mei dan hari kedua pada 1 Jun dan akan tamat secara rasmi dengan upacara penutupan pada akhir bulan Jun yang dipanggil menggulung atau *ngiling tikar*. Perayaan Gawai Dayak merupakan perayaan bagi masyarakat Iban (Dayak Laut) dan Bidayuh (Dayak Darat). Hal ini berbeza dengan subetnik masyarakat Dayak di Kalimantan yang turut merayakan perayaan Gawai setiap tahun.

Dalam tulisan ini, penulis lebih menumpukan terhadap masyarakat Iban yang merupakan bangsa terbesar di negeri Sarawak. Masyarakat Iban memiliki faktor perjuangan hidup yang unik, dikelilingi langit dan alam semula jadi. Menurut kepercayaan masyarakat Dayak, alam ini yang memelihara upacara perayaan Gawai Dayak. Dalam erti kata lain, masyarakat Dayak beruntung memiliki kekayaan pelbagai amalan ritual dalam pesta Gawai dan amalan itu ialah wajah mereka. Gawai Dayak melambangkan jati diri bangsa Dayak yang tidak sama dengan bangsa lain di atas muka bumi ini.

Perayaan Gawai Dayak berakar umbi daripada sejarah keturunan yang disambut selepas tamat musim menuai. Dalam erti yang lain, perayaan ini bertujuan untuk merayakan hasil perburuan, kelahiran, tanah baharu, dan sebagainya. Pada masa yang sama, perayaan Gawai Dayak ini merupakan saat memanjatkan kesyukuran dan doa atas segala keberkatan, nikmat dan tuah yang dilimpahkan oleh Tuhan. Masyarakat Dayak terdahulu bergantung sepenuhnya kepada hasil tanaman, seperti padi, buah-buahan dan sayur-sayuran, hasil perburuan dan tangkapan ikan di sungai. Maka itu, sambutan ini juga bertujuan untuk merestui usaha dan kerja keras masyarakat Dayak.

Di samping itu, perayaan Gawai Dayak menjadi lambang dan simbolik titik permulaan misi kehidupan masyarakat Dayak. Hal ini termasuklah apa-apa juga perkara yang mahu dilakukan, perancangan hidup dan pekerjaan, serta perjalanan sebagai

Merujuk tabir sejarah lalu, perayaan Gawai Dayak ialah lambang kemenangan jiwa dalam kehidupan masyarakat Dayak dan keturunan mereka. Hal ini tidak mengira walaupun masyarakat Dayak itu berada jauh di hujung rimba, mahupun masyarakat Dayak yang berselerak di bandar.

perantau. Bagi generasi Dayak pada hari ini, perayaan ini merupakan peluang keemasan untuk bertemu ahli keluarga dan sanak saudara dengan pulang ke kampung halaman, sekali gus merapatkan hubungan kekeluargaan dan persaudaraan.

Menurut sejarah, perayaan Gawai Dayak ini dikaitkan dengan satu perjuangan keperwiraan pahlawan dalam perang yang dipanggil *Ngayau*. Pahlawan atau tukang *kayau* ini menganggap kepala musuh yang diperoleh ketika perang sebagai "piala". Semakin banyak "piala" yang diperoleh, maka semakin tinggi darjat tukang *kayau* tersebut. Kejayaan memiliki "piala" kemenangan itu dirayakan ketika sambutan Gawai Dayak. Piala itu dililit dengan rotan halus yang diraut dan digantung di sepanjang ruai untuk dipamerkan kepada tetamu yang datang.

Pada zaman lampau, perayaan Gawai sangat dikongkong oleh pantang larang keturunan dan alam. Oleh sebab itu, perayaan ini penuh dengan ritual keturunan yang masih diamalkan pada masa ini. Namun begitu, dekad yang panjang ini mencetuskan evolusi baharu yang mengganggu keaslian perayaan Gawai



Alat ritual diletakkan di buluh ceracak yang dipanggil *kelinggang*.



Alat upacara *miring* yang dipanggil *pedarak*.

Dayak. Perubahan yang dimaksudkan itu antaranya termasuklah apabila masyarakat Dayak menjadi penganut pelbagai agama, perkahwinan campur dan pertukaran identiti diri.

Persediaan Awal Sambutan Hari Gawai

Secara umumnya, perayaan Gawai Dayak tidak dapat dianjurkan dengan sempurna sekiranya tanpa persediaan awal yang rapi. Persediaan yang dimaksudkan itu ialah aktiviti gotong-royong secara berkumpulan untuk pembersihan dan perhiasan rumah. Aktiviti berkumpulan dengan menghimpunkan penduduk kampung dan perantau yang baru pulang berupaya membentuk semangat kekeluargaan. Sesetengah penduduk rumah panjang akan menetapkan peraturan tertentu sepanjang pesta Gawai Dayak apabila memasuki rumah panjang berkenaan. Oleh hal yang demikian, para tetamu dan penduduk rumah panjang itu sendiri akan patuh kepada peraturan yang ditetapkan.

Selain membersihkan kawasan rumah panjang dan kampung halaman, aktiviti gotong-royong turut meliputi kubur keturunan mereka. Aktiviti ini dilakukan dengan ritual *miring kecil* sebagai menghormati orang yang telah mati. Masyarakat Dayak juga berdoa bersama-sama ahli keluarga mereka untuk orang yang telah meninggal dunia agar merestui kehidupan mereka. Mereka berdoa dengan mengatakan tentang ingatan dan kenangan ketika bersama.

Secara rutinnya, masyarakat Dayak membuat air tuak dan tapai hasil daripada tanaman mereka sebagai persediaan menyambut Hari Gawai Dayak. Tujuan membuat tuak adalah demi menjaga kesihatan mereka sebagai seorang pahlawan. Amalan meminum tuak melambangkan kekuatan tenaga dan keberanian tanpa berbelah bahagi bagi pahlawan terdahulu. Persediaan ini mula dilakukan sejak awal bulan Mei dan kaum wanita antara yang paling sibuk dengan tugas ini. Pada pertengahan bulan Mei, kaum wanita akan menghasilkan kuih tradisi, seperti sarang semut, acuan dan kuih sepiit.

Perayaan Gawai Dayak tidak bermakna sekiranya tanpa nasi pulut yang dipanggil *pansoh* atau *lemang*. *Pansoh* dimasak dalam ruas buluh agar nasi pulut tersebut memperoleh aroma istimewa daripada buluh. Nasi pulut ini dianggap hidangan istimewa kerana kelikatannya melambangkan perpaduan dalam komuniti masyarakat Dayak. Nasi pulut juga dibuat bertujuan untuk menghasilkan air tuak yang lebih asli, selain daripada buah-buahan di rimba. Beras dan nasi pulut ini juga merupakan makanan dewa bagi masyarakat Dayak yang menjalankan upacara *miring* atau apa-apa sahaja upacara ketika perayaan Gawai berlangsung.

Sepanjang sambutan Gawai Dayak, hiasan di sesebuah rumah panjang dapat dilihat bukan sahaja di ruai, bilik dan halaman, tetapi di sepanjang jalan masuk ke rumah tersebut. Bahagian ruai rumah panjang akan dihias dengan tinar berukiran tradisi dan diletakkan tiang pohon kayu berdaun daun atau pohon pisang yang dipanggil *ranyai*. Dahan pohon yang didirikan akan disangkut dengan hadiah dan apa-apa sahaja. Di bahagian *tanju* atau beranda pula, sesetengahnya dibina alat upacara, seperti



Tokoh upacara *miring* yang dipanggil *lemambang*.



Suasana upacara *miring*.

batang buluh berceracak yang dianyam, untuk melakukan ritual adat mengikut keperluan sesebuah keluarga. Upacara sedemikian berbentuk ritual penyembuhan ahli keluarga yang kurang sihat.

Di bahagian ruai rumah panjang dan rumah persendirian juga akan dibentang dengan tikar anyaman tradisi yang direka dengan corak bunga-bunga yang cantik dan berwarna terang, seperti tikar bemban, tikar rotan dan tikar kulit kayu. Hiasan ini turut ditonjolkan dengan kain tenunan yang dipanggil *pua Kumbu* yang digantung di dinding ruai. *Pua Kumbu* itu melambangkan pakaian pahlawan keturunan dan corak simbol tenunan itu tidak ada pada bangsa lain di dunia ini. Keunikan simbol tenunan itu hanya terdapat dalam komuniti Dayak di Kepulauan Borneo sahaja.

Perayaan Gawai Dayak pada masa ini akan dihiasi dengan aktiviti sukaneka dalam kalangan masyarakat Dayak. Sukaneka ini diadakan bertujuan untuk mengimbau kenangan bermain permainan tradisi sebagai wadah pengisi waktu lapang. Selain permainan tradisional, acara hiburan seperti pertandingan tarian ngajat, taboh, berpantun, dan ramban turut dianjurkan untuk memeriahkan suasana. Selain itu, pertandingan kecantikan Ratu Gawai turut diadakan sebagai mengingati legenda *Kumang* dan *Keling* dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Pada kebiasaannya, aktiviti sukaneka ini dilakukan selepas tamat upacara *miring* di bahagian bilik dan ruai setiap penghuni rumah panjang.

Upacara Miring

Secara amnya, upacara *miring* merupakan satu daripada amalan terpenting yang mesti dilakukan ketika perayaan Gawai. Tanpa upacara ini, tujuan utama meraikan Hari Gawai Dayak untuk menunaikan permintaan keturunan dan alam, serta menepis

kesilapan lalu dan memudahkan kehidupan akan datang, tidak akan tercapai. Persoalannya, sejauh manakah upacara ini diamalkan oleh generasi Dayak pada hari ini?

Kini, rata-rata anak Dayak tidak mengetahui tentang erti di balik upacara *miring*. Upacara ini tidak dapat disamakan dengan amalan berdoa atau bersembahyang bagi segelintir masyarakat

Kini, rata-rata anak Dayak tidak mengetahui tentang erti di balik upacara *miring*. Upacara ini tidak dapat disamakan dengan amalan berdoa atau bersembahyang bagi segelintir masyarakat Dayak yang sudah menganuti apa-apa agama sekali pun. Oleh sebab tidak memahami adat, upacara *miring* semakin lenyap. Hal ini merupakan satu kesilapan besar yang menyebabkan perayaan Gawai semakin jauh daripada realiti sebenar.



Pakaian tradisi yang dipanggil *Gagong*.

Dayak yang sudah menganuti apa-apa agama sekali pun. Oleh sebab tidak memahami adat, upacara *miring* semakin lenyap. Hal ini merupakan satu kesilapan besar yang menyebabkan perayaan Gawai semakin jauh daripada realiti sebenar.

Bagi penulis, upacara *miring* merupakan cara untuk memahami alam yang mempunyai Petara atau Tuhan bagi memberkati permintaan, perlindungan, dan ucapan terima kasih terhadap kehidupan sebelumnya dan akan datang. Ritual ini memainkan peranan penting untuk masyarakat Dayak yang memiliki kawasan pertanian baharu, berpindah atau bekerja sebagai perantau. Walau bagaimanapun, pada hari ini, masyarakat Dayak lebih mengutamakan kuasa kemodenan dan teknologi untuk mendapatkan hidup yang lebih sempurna, dan upacara *miring* ditinggalkan. Upacara ini hanya dilakukan apabila

mengalami kesusahan atau tekanan dalam hidup.

Pada zaman dahulu, upacara *miring* ini dilakukan oleh masyarakat Dayak ketika mahu turun berperang atau meneroka kawasan baharu. Upacara ini harus dilakukan untuk mengelakkan daripada perkara buruk berlaku. Sebagai contohnya, dalam berperangan mereka mahu memperoleh kemenangan, atau ketika meneroka tempat baharu untuk penempatan rumah panjang, tanah yang ditemukan bersesuaian dan tidak diganggu malapetaka.

Piring dalam upacara *miring* mempunyai jenis tertentu. Antaranya termasuklah piring turun tiga, piring turun lima, piring turun tujuh, piring turun lapan dan piring turun sembilan. Dalam hal ini, piring turun tiga digunakan dalam upacara *miring* biasa apabila seseorang mengalami mimpi buruk atau hendak bersawah. Manakala, piring turun lima bertujuan untuk masyarakat Dayak yang mahu mendirikan rumah panjang. Piring turun tujuh pula untuk perkara yang lebih serius, seperti ekspedisi merantau jauh, atau dikenali sebagai *bejalai*. Kepentingan piring turun Sembilan pula dikhususkan untuk peperangan atau *Ngayau*. Pakar upacara *miring*, yang dipanggil *lemambang* dalam kalangan masyarakat Iban, akan menjayakan ritual ini.

Upacara *miring* ini menggunakan pelbagai alat, dan masyarakat Dayak perlu berbelanja lebih untuk mendapatkannya. Dalam hal ini, masyarakat Dayak tidak lokek berbelanja apabila menjelang perayaan Gawai. Mereka lebih memikirkan tentang keamanan, kedamaian dan kejayaan hidup pada masa akan datang. Tanpa air tapai atau tuak dan binatang yang mahu dikorbankan, upacara *miring* ini tidak bermakna. Upacara ini juga tidak dapat dilakukan tanpa nasi baharu, beras pulut, ketupat, tumpi rendai, daun sirih dan buah pinang dan sebagainya. Bahan ini tidak boleh diletakkan dalam mangkuk dan pinggan sebarangan, kemudian disusun mengikut susunan yang betul. *Lemambang* akan menegur sekiranya sesebuah keluarga meletakkan alat ini tidak mengikut urutan yang betul.

Pada masa ini, terdapat pelbagai persepsi berbeza terhadap perayaan Gawai Dayak oleh masyarakat Dayak itu sendiri. Generasi Dayak kini tidak mengetahui makna sebenar gawai dan hanya menganggap sebagai perayaan cuti umum semata-mata. Mereka menganggap pesta Gawai Dayak seperti sambutan tahun baharu dengan acara makan dan minum. Apatah lagi sambutan Gawai Dayak pada hari ini telah hilang amalan warisannya. Kita lupa tentang sejarah silam dan tidak menyedari bahawa Gawai Dayak merupakan upacara kesucian masyarakat Dayak.

Dalam hal ini, perayaan Gawai Dayak secara umumnya terdiri daripada beberapa jenis gawai adat yang mesti dijalankan mengikut amalan tradisi keturunan. Gawai adat, seperti Gawai Bersimpan Padi diadakan bertujuan untuk meletakkan hasil huma di tempat khas agar tidak diusik serangga perosak. Gawai Pangkong Tiang pula diadakan bertujuan untuk memohon restu keselamatan, kesihatan dan murah rezeki selepas berpindah

ke rumah baharu. Gawai Tuah pula untuk seseorang mencari dan meletakkan bakal nasibnya. Antara gawai adat yang sering diadakan termasuklah Gawai Roh, Gawai Kelingkang, Gawai Burung, Gawai Mimpi, Gawai Sakit, Gawai Betambah Bulu dan Gawai Menangga Langit. Gawai adat ini dijalankan ketika perayaan Gawai Dayak pada 1 Jun setiap tahun yang semestinya dilakukan oleh sesebuah keluarga jika mahu menikmati hidup yang sempurna.

Kukuh Kekeluargaan dan Perpaduan


Menurut penilaian beberapa tahun kebelakangan ini, penulis menganggap perayaan Gawai Dayak pada masa ini lebih berkonsep kekeluargaan dan membentuk perpaduan antara kaum. Perayaan ini sebagai simbol penghormatan yang menjaga realiti asal usul bangsa Dayak itu sendiri, bukan sekadar simbol kesucian menjaga amalan tradisi dan ritual adat keturunan seperti yang dilakukan dahulu. Dalam erti kata yang mudah, perayaan Gawai Dayak mengutamakan konsep perpaduan dalam negara berbilang bangsa dan agama. Perayaan ini dijadikan sebagai wadah untuk menyambut dan menerima tetamu yang dipanggil *ngabang*. Tetamu dilayan dengan sajian makanan dan air tapai sebagai tanda hormat kepada orang luar.

Melalui perayaan Gawai Dayak, masyarakat Dayak dapat mempamerkan keramahan, kemesraan dan sopan santun ketika menyambut kedatangan tetamu. Hal ini dapat menonjolkan sifat lemah lembut, amanah, jujur dan pemurah dalam masyarakat Dayak. Bahkan, perayaan ini juga dapat memperlihatkan keunikan seni warisan masyarakat Dayak dengan menggayakan pakaian tradisi, seperti menggunakan rantai leher, gelang tangan dan kaki. *Ngapan* lelaki dan perempuan Dayak ini merupakan simbol

.....
Pada hakikatnya, masyarakat Dayak pada masa ini mahu semaju bangsa lain untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi.
.....

penghormatan dalam keturunan. Amalan ini diamalkan sejak zaman datuk nenek moyang dan diwarisi oleh generasi Dayak pada hari ini. Hal ini merupakan realiti perayaan Gawai Dayak bagi masyarakat Dayak pada hari ini.

Pada hakikatnya, masyarakat Dayak pada masa ini mahu semaju bangsa lain untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi. Masyarakat Dayak sudah lama meninggalkan ekspedisi *ngayau* sesama sendiri atau dengan bangsa lain. Kini, mereka menilai dan lebih mengutamakan kehidupan yang lebih berjaya. Mereka berusaha untuk memastikan diri berjaya dalam pendidikan, sekali gus mendapatkan pekerjaan untuk menjamin kelangsungan hidup. Bagi mereka, hidup itu perlu bersaing dengan bangsa lain agar memperoleh kehidupan yang lebih sempurna.

Sebagai kesimpulannya, masyarakat Dayak pada hari ini tidak seharusnya melupakan perayaan tradisi mereka. Usaha untuk menjalankan upacara dan amalan warisan ini merupakan tugas yang penuh dengan kesucian dan kemuliaan. Kemuliaan itu harus dijaga dengan menerapkan kepercayaan diri dalam jiwa setiap anak Dayak. Perayaan Gawai Dayak ibarat api semangat untuk masyarakat Dayak menjalani hidup yang lebih bermakna. 



Penghuni asal rumah panjang yang bekerja di bandar pulang ke tempat asal mereka untuk menyambut Hari Gawai Dayak.